

Ahad, 1 Disember 2019 | 6:52pm

Trak tunda, pemilik bengkel di Pulau Pinang dinasihat jangan mogok

Oleh Siti Sofia Md Nasir
siti.sofia@bh.com.my

GEORGETOWN: Persatuan Tuan-tuan Empunya Bengkel Kereta Motor Pulau Pinang dinasihatkan tidak melancarkan mogok bagi membantah monopoli kerja-kerja pumbaikan kereta oleh bengkel francais.

Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Teh Lai Heng, berharap persatuan itu dapat menangguhkan mogok yang dijadualkan esok itu bagi membolehkan rundingan diadakan dengan kilang asal dan syarikat insurans.

"Mogok operasi hanya akan mempengaruhi ketertiban sosial selain menyulitkan dan menambah beban kepada pemilik kenderaan di Pulau Pinang.

"Harap Persatuan Tuan-tuan Empunya Bengkel Kereta Motor Pulau Pinang akan menggantung mogok buat sementara waktu," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Lai Heng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, turut meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) campur tangan dalam isu itu bagi mencari jalan penyelesaian.

Beliau membuat kenyataan itu berikutan satu notis oleh Persatuan Tuan-tuan Empunya Bengkel Kereta Motor Pulau Pinang pada 29 November lalu, memaklumkan semua bengkel membaiki kenderaan di Pulau Pinang memberhentikan operasi, esok.

Hari ini, lebih 30 pengendali trak tunda di Pulau Pinang berkumpul bagi membantah monopoli kerja pumbaikan kereta yang kini didakwa dipelopori oleh bengkel kereta syarikat francais.

Mereka menuju ke Juru di Seberang Perai Tengah untuk meletakkan trak tunda masing-masing, sebagai simbolik kepada mogok penutupan semua pengusaha trak tunda di negeri itu bermula esok.

Pengendali trak tunda, Chan Kok Hoe, 40-an, berkata perniagaannya merudum apabila bengkel kereta syarikat francais mula memonopoli kerja pumbaikan kereta sejak beberapa tahun lalu.

"Syarikat francais memberitahu pemilik kereta bahawa sekiranya pemilik membuat baik pulih atau memasang filem cermin dengan bengkel luar, jaminan kereta mereka akan tamat.

"Perkara ini bertentangan dengan Akta Persaingan, di mana kami seolah-olah dianak tirikan," katanya ketika ditemui di Jelutong di sini, hari ini.

Beliau turut mendesak Kementerian Pengangkutan, Bank Negara, dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) campur tangan bagi menyelesaikan isu itu.

"Perka'a ini sudah berlarutan sangat lama, sepatutnya pemilik kereta berhak menentukan dengan siapa mereka mahu baik pulih atau membuat penambahbaikan kereta," katanya.

Sementara itu, wakil Persatuan Tuan Empunya Bengkel Kereta Motor Pulau Pinang, berkata semua bengkel yang berdaftar dengan pihaknya akan ditutup bermula esok, sehingga tarikh yang akan dimaklumkan.

Katanya, semua pemilik bengkel, 'call man', dan mekanik dilarang ke lokasi kemalangan atau ke tempat kerosakan kenderaan dalam tempoh itu.

Difahamkan, persatuan terbabit juga akan mengadakan sidang media esok bagi menjelaskan lebih lanjut mengenai mogok berkenaan.



Hari ini, lebih 30 pengendali trak tunda di Pulau Pinang berkumpul bagi membantah monopoli kerja pembaikan kereta yang kini didakwa dipelopori oleh bengkel kereta syarikat francais. - NSTP/Ramdzan Masiam